

KERATAN AKHBAR NOVEMBER 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	MATCHING EMPLOYERS WITH WORKERS AT MINI JOB FAIRS	STAR METRO MS 6	03-Nov-22	SEMASA
2	PERSIAPAN DIRI HADAPI FITNAH AKHIR ZAMAN	HARIAN METRO MS 15	05-Nov-22	AGAMA
3	PERPUSTAKAAN BERPERANAN BANTU PERKASA KOMUNITI	BERITA HARIAN MS 13	07-Nov-22	PERPUSTAKAAN
4	GRADUAN UUM DIGESA TERAP ILMU, BUDI PEKERTI MULIA	BERITA HARIAN MS 14	07/11/2022	KPT
5	LUAR BIASA KAMUS DEWAN PERDANA	UTUSAN MALAYSIA MS 16	07-Nov-22	RENCANA
6	SASAR 97% GRADUAN UUM BOLEH DIPASAR	UITSAN MALAYSIA MS12	07-Nov-22	KPT
7	KURSUS TAK RELEVAN, KURANG POPULAR DIMANSUH SETIAP TAHUN	BERITA HARIAN MS 22	07-Nov-22	KPT
8	FENOMENA BULAN GERHANA PENUH HARI INI	HARIAN METRO MS 4	08-Nov-22	RENCANA
9	MELABUR, RANCANG PERBELANJAAN BANTU ATASI INFLASI	BERITA HARIAN MS 17	08-Nov-22	RENCANA

Pendidikan

Kursus tak relevan, kurang popular dimansuh setiap tahun

Fokus



UA, IPTS bebas hapus program tidak sesuai kehendak industri

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhpendidikan@bh.com.my

Sesuai dengan keperluan semasa dan faktor kebolehpasaran banyak program yang ditawarkan di universiti awam (UA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dimansuhkan atau dihentikan hampir setiap tahun.

Julai lalu misalnya, Universiti Malaya (UM) menghentikan 20 program akademiknya, manakala Universiti Utara Malaysia (UUM) turut melaksanakan tindakan serupa.

Antara program yang dihentikan adalah Diploma Siswazah Sains Koreksional; Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perkuanan) dan Diploma Siswazah Dalam Pendidikan.

Hujung tahun lalu juga, UM dan empat universiti awam (UA) turut menghentikan penawaran 55 kursus berkaitan kejuruteraan atas faktor yang sama. Empat UA itu termasuklah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Pemberhentian kursus yang sama turut dilakukan tujuh IPTS.

Jumlah itu adalah sebahagian daripada 85 program akademik di 20 UA yang dilupuskan. Daripada jumlah itu, 17 membabitkan pengajian peringkat sarjana muda, manakala bakinya adalah program sarjana dan doktor falsafah.

Dalam konteks dunia pendidikan, pemansuhan atau pemberhentian tarawan satu-satu kursus adalah amalan biasa. Umumnya ia dikaitkan dengan faktor kebolehpasaran dan keperluan se-

masa selain beberapa faktor lain termasuk popularitinya dalam kalangan pelajar.

Semakan tahunan

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Prof Husaini Omar, secara umum semua UA dan IPTS kerap melakukan semakan kursus akademik yang ditawarkan, justeru bukan luar biasa pelupusan program berlaku setiap tahun.

“Semakan program akademik ini dibuat selepas mendapat nasihat daripada Jawatankuasa Penasihat Industri yang mana setiap program itu mempunyai jawatannya sendiri.

“Tindakan menghentikan se suatu program atau memperkenalkan yang baharu bukanlah asing dalam dunia akademik. Pastinya, banyak faktor sudah diambil kira sebelum perkara itu dilakukan,” katanya.

Husaini berkata, faktor utama pelupusan program di UA disebabkan bukan sahaja ia tidak relevan dengan perkembangan teknologi dan industri, malah tidak popular dalam kalangan pelajar menyebabkan permohonannya sangat rendah.

Bagaimanapun katanya, terdapat beberapa faktor lain yang turut diambil kira dalam proses menghentikan, pembekuan dan pelupusan program akademik berkenaan.

“Selain faktor kebolehpasaran graduan dan populariti akademik program, ia juga dipengaruhi unduran pengambilan pelajar; guna

tenaga kerja negara; senarai pekerjaan kritis yang dikeluarkan oleh Talent Corp; data Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

“Keputusan untuk menghentikan sesuatu program perlu melalui beberapa proses yang ketat.

“Selepas UA atau IPTS mengenal pasti program akademik yang hendak dilupuskan, ia perlu mendapatkan kelulusan daripada Senat universiti dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

“Keahlian JKPT ini termasuklah wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Talent Corp, PERKESO, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Badan Profesional dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU),” katanya.

Tegasnya, IPTS turut menjalani proses yang sama sekiranya mahu mengubah dan menambah baik mana-mana program yang ditawarkan atau memperkenalkan program baharu.

“Sebagai contoh, ada UA atau IPTS mereka bentuk semula program yang mereka tawarkan. Ia dilakukan dengan menjadikannya program rentas disiplin atau program sarjana dan doktor falsafah diganti mod penawaran yang berbeza atau digabungkan dengan program lain.

Mereka bentuk semula program yang ditawarkan itu bukan sahaja bagi memastikan ia mampu berdaya saing, tetapi bagi menjamin kemampanan program akademik itu sendiri,” katanya.

Ujar beliau lagi, dalam hal ini KPT berharap setiap institut pengajian tinggi perlu memastikan kursus yang ingin ditawarkan itu relevan dengan kehendak semasa dan membuat semakan setiap lima tahun sekali.

Selain itu katanya, bagi program baharu yang ingin ditawarkan, ia perlu mendapatkan kelulusan menerusi pengakreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) supaya ia mencapai kualiti yang ditetapkan.

Bagaimanapun terdapat sebahagian program yang dikekalkan meskipun ia dianggap tiada nilai ‘kebolehpasaran’ antaranya program berkaitan sejarah dan sastera. Dalam konteks ini, tindakan mengekalkan program berkenaan amatlah penting disebabkan keperluannya terhadap kajian kesiaran, kenegaraan dan warisan bangsa.

Kawalan kualiti
Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata setiap institut pengajian tinggi mempunyai kebebasan untuk menawarkan, menutup dan menarik kursus yang dirasakan sesuai atau sebaliknya.

Bagaimanapun mereka perlu membuat semakan semula lima

tahun sekali setiap program pengajian yang ditawarkan berdasarkan peraturan ditetapkan MQA.

“Semakan ini perlu dibuat berdasarkan keperluan yang diperlukan pihak majikan di luar sana.

“Sekiranya didapati keperluan tidak ada, universiti boleh membuat keputusan untuk tidak lagi menawarkan program berkenaan.

“Begitu juga dengan program baharu, sebelum ia dikemukakan kepada pihak MQA, mereka perlu laksanakan kajian pasaran untuk menunjukkan justifikasi mengapa ia perlu ditawarkan,” katanya.

Mohammad Shatar berkata lagi, MQA sentiasa mengambil berat dalam aspek kualiti merangkumi pelbagai aspek termasuklah kebolehpasaran graduan sekiranya ia tidak menyakinkan maka sesuatu program itu tidak diluluskan.

“Dalam konteks kualiti, semua program yang ditawarkan di IPT dalam negara sudahpun mencapai tahap kualiti yang baik, diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

“Bukan sekadar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, kemudahan tetapi ia juga merangkumi sejauh mana produk atau keluaran graduan dalam program diikuti mendapat tempat dalam pasaran kerjaya.

“Justeru, program yang ditawarkan pada hari ini, tidak menjadi isu atau masalah kerana ia sudah diambil kira dalam semua aspek berkaitan oleh pihak MQA dan KPT sendiri,” tegasnya.

Mereka bentuk semula program yang ditawarkan itu bukan sahaja bagi memastikan ia mampu berdaya saing, tetapi bagi menjamin kemampanan program akademik itu sendiri

Husaini Omar,
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Dalam konteks kualiti, semua program yang ditawarkan di IPT dalam negara sudahpun mencapai tahap kualiti yang baik, diiktiraf pada peringkat antarabangsa

Mohammad Shatar Sabran,
Ketua Pegawai Eksekutif MQA



TAJUK: SASAR 97% GRADUAN UUM BOLEH DIPASAR

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 12

TARIKH : 07/11/2022

12 | UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 7 NOVEMBER 2022

Dalam Negeri

Sasar 97% graduan UUM boleh dipasar

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Universiti Utara Malaysia (UUM) menyasarkan kadar kebolehpasaran graduan mereka melonjak kepada 97 peratus dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, sasaran itu termasuk untuk memastikan golongan sasar mendapat pekerjaan yang setara dengan kelayakan akademik mereka.

Menurut beliau, agenda itu penting agar UUM muncul sebagai universiti yang kompetitif bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat antarabangsa selaras dengan pelan strategik, Gagasan Akademia dan Admin Holistik (Gagah) UUM 2021-2025.

"Kadar kebolehpasaran graduan yang direkodkan tahun lalu adalah 84 peratus dengan sasaran lonjakan secara berperingkat iaitu 90 peratus pada tahun depan diikuti 95 peratus (2024) dan 97 peratus (2025)."

"Sehubungan itu, pelbagai inisiatif digerakkan dalam meningkatkan kualiti graduan untuk bersaing dalam pasaran kerja iaitu

dengan memastikan program akademik dan pensyarah yang kompetitif di samping membawa sebahagian pemain industri sebagai tenaga pengajar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

UUM memiliki tiga pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Siswazah Ghazali Shafie, Awang Had Salleh dan Othman Yeop Abdullah.

Kadar kebolehpasaran graduan UUM yang direkodkan pada 2020 ialah pada tahap 87.9 peratus berbanding tahun sebelumnya sebanyak 92.2 peratus, 78.6 peratus (2018) dan 79.9 peratus (2017).

Haim Hilman berkata, gabungan tiga strategi itu sekali gus memberi kekuatan baharu kepada UUM dalam melahirkan graduan yang kompetitif dan menjadi bahan majikan.

Malah, katanya, UUM turut komited untuk memastikan graduannya mendapat tempat di syarikat terkemuka dunia, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat multinasional (MNC).

Beliau memberitahu, 70 peratus pelajar UUM adalah dalam kalangan B40

sekali gus mahu golongan berkenaan diperkasakan menerusi pendidikan.

"Kemiskinan bukan penghalang untuk seseorang berjaya dan apabila pelajar menjelaskan kaki di universiti, fokus utama mereka ialah kesungguhan belajar serta keazaman untuk mengubah nasib keluarga."

"Kebanyakan graduan kita laris dalam sektor kewangan, perniagaan, perhotelan dan pengurusan selain teknologi maklumat," katanya.

DR. HAIM HILMAN ABDULLAH

"Kebanyakan graduan kita laris dalam sektor kewangan, perniagaan, perhotelan dan pengurusan selain teknologi maklumat," katanya.

Haim Hilman berkata, UUM turut mempersiapkan pelajar dengan program pengukuhan Bahasa Inggeris

yang mula dirintis pada semester ini di samping menggiatkan usaha pertukaran pelajar dengan universiti di negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Brunei.

Bahkan, katanya, universiti itu turut mengorak langkah menawarkan program sarjana dengan universiti luar dengan terbaru ialah University of Wisconsin-Milwaukee di Amerika Syarikat (AS) dan mahu diperluaskan ke Perancis dan Australia.

UUM berada di kedudukan 401 hingga 500 dunia bersandarkan kepada ranking Times Higher Education World University Rankings (THEWUR) 2022 yang diumumkan bulan lalu.

Angka itu melonjak 200 anak tangga daripada sebelum ini, sekali gus meletakkan UUM sebagai universiti kedua terbaik dalam kalangan universiti awam dan swasta di Malaysia.

Pengiktirafan itu membolehkan UUM berada di kedudukan setara dengan University of Denver di AS, Brunel University (United Kingdom), Victoria University of Wellington (New Zealand) dan Murdoch University (Australia) di samping 70 universiti terbaik Asia.



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GRADUAN UUM DIGESA TERAP ILMU, BUDI PEKERTI MULIA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 14

TARIKH : 07/11/2022

14 Nasional Isnin, 7 November 2022 BH

Graduan UUM digesa terap ilmu, budi pekerti mulia

Kubang Pasu: Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Badlishah, bertitah graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu menerapkan nilai ilmu, budi dan bakti yang baik sebagai pegangan membentuk keperibadian mulia menjadi pemimpin kelas pertama.

Baginda bertitah, kejayaan graduan merangkul ijazah adalah permulaan kepada pelengkap pembangunan tamadun Malaysia yang maju.

"Jika anda memimpin sebuah rumah tangga, jadilah pemimpin rumah tangga berminda kelas pertama. Jika anda memimpin masyarakat, jadilah pemimpin masyarakat berminda kelas pertama.

"Jika anda memimpin organisasi, jadilah pemimpin organisasi berminda kelas pertama dengan menyemai falsafah ilmu, budi, bakti.

"Dalam masyarakat dahulu, konsep budi sangat popular dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari. Orang yang berilmu jika tidak ada budi pekerti maka kebijaksanaannya akan hilang," titah baginda.

Tabur bakti kepada rakyat
Baginda bertitah pada pada Majlis Konvokesyen UUM Ke-34 yang berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah UUM Sintok, di sini, semalam.

Turut berangkat, Raja Muda Kedah yang juga Pro-Canselor

Sultan Sallehuddin Badlishah diiringi Tengku Sarafudin Badlishah pada Majlis Konvokesyen Ke-34 UUM, di Dewan Mu'adzam Shah, semalam. Turut hadir, Muhammad Sanusi (kiri), Syeikh Fadzil (dua dari kanan) serta Dr Haim Hilman (kanan).

(Foto BERNAMA)



UUM Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin. Turut hadir, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor; Mufti Kedah, Datuk Syeikh Fadzil Awang serta Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) Prof Dr Haim Hilman Abdullah.

Baginda yang juga Canselor UUM bertitah, individu berakh-lak akan melahirkan keluarga dan komuniti yang mempunyai budi bahasa terbaik dan seterusnya membentuk modal insan kelas pertama.

"Seperti mana Rasulullah SAW yang mempunyai perwatakan berkeperibadian tinggi, dilengkapi budi bahasa menjadi sunah ikutan seluruh umat manusia.

"Sebagaimana sabda Baginda: 'Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain', maka bakti adalah satu perbuatan individu dalam menabur jasa kepada individu lain, masyarakat, bangsa dan negara.

"Setiap bakti yang ditaburkan akan memberi manfaat berpanjangan dan mampu mensejahterakan komuniti. Untuk berbakti, seseorang perlu mempunyai personaliti dalam yang dibentuk oleh ilmu dan budi," titah baginda.

Terdahulu baginda berkenan mengisytiharkan sesi pertama Majlis Konvokesyen UUM dan menyampaikan ijazah kepada 275 graduan.

Seramai 6,611 graduan yang menamatkan pengajian pada 2021 menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen itu.

By ISAAC TAN
metro@thestar.com.my

JOB hunting can be a daunting task, what more during the Covid-19 pandemic when most interviews were done via Zoom.

Luckily, daily walk-in interviews are finally becoming a tangible reality for jobseekers in Malaysia as the country transitions into the endemic phase of Covid-19.

Facilitated through the Social Security Organisation (Socso), those seeking employment can attend job fairs held at the 54 Socso offices as well as its 146 satellite centres, all over the country.

Dolly Chang, 20, from Kuching, Sarawak, attended a job fair held at Menara Perkeso in Putrajaya after learning about it from its portal. It was a good move, as she left the event as an employee of Pos Aviation Sdn Bhd.

"I haven't worked anywhere else before, and this is the first time I've tried applying for a job," she said.

An alumnus from AMKTC Academy, an aviation training institute in Shah Alam, Selangor, Chang graduated in June with a diploma in airline customer service and cabin crew preparatory.

She was hired after only one interview by her new employers, Pos Aviation, a wholly-owned subsidiary of Pos Malaysia Bhd.

The mini job fairs host a wide range of employers from various industries.

In addition to organising open interview sessions, Socso also coordinates seminars and workshops on soft skills like interview preparation and resume writing.

Under the Human Resources Ministry, the government agency primarily operates through MYFutureJobs, a national employment portal that utilises artificial intelligence technology to match its 150,000-strong user base with employers.

Another jobseeker Mohammad

Page 6 StarMetro - Thursday 3 November 22

Matching employers with workers at mini job fairs

Socso facilitates walk-in interviews for jobseekers at its offices and satellite centres nationwide



Anil (left) holding a soft skills seminar at a job fair organised by Socso at Menara Perkeso in Putrajaya.

Haidar Abd Razak, 33, from Kajang in Selangor, said he had been looking for work since May.

"Five months ago, I resigned from my position as a project engineer in a company to look for better opportunities."

"I have been to about 20 interviews but none worked out. Since I was registered with the portal, I was alerted about the job fair. I am interested in two positions offered by two separate companies."

"I hope to get a call-back soon,"

said Mohammad Haidar.

Pos Malaysia assistant vice-president Anil Nair said the job fairs organised by Socso were a valuable resource for the company's hiring procedures, having previously participated in about 30 such events.

"Pos Aviation is trying to hire more people to be based in Putrajaya, Cyberjaya and Sepang, because we need employees who live closer to Kuala Lumpur International Airport."

"In that sense, these fairs can be

very useful for targeting areas that accommodate our location-specific requirements," he said.

Socso employment services head Gayathri Vadivel said the agency had a large number of employment service officers dedicated to providing individual support to the unemployed.

She said the organisation was intensifying efforts to boost job growth.

"Currently, we mostly organise walk-in interviews on a weekly



Gayathri urges employers to utilise the benefits offered by the JaminKerja Employment Incentive programme.

basis at our main offices, while our satellite centres hold them once a month.

"However, since September, we have begun having daily interview sessions in Putrajaya and other major states such as Kuala Lumpur, Selangor, Penang and Johor," she said.

Gayathri urged employers to use Socso's services and take advantage of the JaminKerja Employment Incentive programme, a hiring impetus designed by the government to launch socioeconomic recovery efforts.

"Employers in tourism-related sectors and companies hiring the disabled, ex-convicts, parolees, veterans and other vulnerable groups, are eligible for this programme."

"They can be subsidised by the government to finance a percentage of their offered wages to these groups for up to 12 months," she added.

For more details, visit myfuturejobs.gov.my

TAJUK: PERSIAPAN DIRI HADAPI FITNAH AKHIR ZAMAN

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 05/11/2022

ANCAMAN BUDAYA TOHMAH

PERSIAPAN DIRI HADAPI FITNAH AKHIR ZAMAN

Datuk Mohd Ajib Ismail

ada akhir zaman ini, budaya fitnah dilihat berleluasa dalam masyarakat sehingga kadangkala sukar untuk mengenal pasti antara pihak yang benar dengan yang salah. Keadaan tersebut bertambah parah dengan kemunculan pelbagai platform media sosial seperti Facebook, Twitter, WhatsApp, Telegram dan pelbagai lagi yang membuka lebih banyak ruang kepada penyebaran fitnah. Perbuatan fitnah boleh terjadi apabila seseorang mereka-reka sesuatu berita dan menyebarkannya dengan tujuan untuk memburuk-burukkan atau menjatuhkan maruah pihak lain. Fitnah juga boleh berlaku apabila kita menerima berita tentang sesuatu perkara tanpa memastikan kesahihannya kemudian menyebarkannya sama ada dengan niat untuk memburuk-burukkan ataupun tidak.

Justeru segala kemungkaran dan kemaksiatan hendaklah sentiasa dicegah dan dihapuskan agar tidak terjadi malapetaka yang menimpa seluruh masyarakat

Allah SWT memperingatkan tentang bahaya perbuatan fitnah dalam suatu peristiwa besar berkenaan tohahanan terhadap Saidatina Aisyah RA sebagaimana yang dirakamkan dalam **al-Quran surah al-Nur ayat 11-12** yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan daripada kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat). Sepatutnya semasa kamu mendengar tuduhan itu, orang-orang yang beriman - lelaki dan perempuan, menaruh baik sangka kepada diri (orang-orang) mereka sendiri. dan berkata: "Ini ialah tuduhan dusta yang nyata."

Masyarakat kini terutamanya generasi muda mudah terdedah dengan pelbagai anasir yang mendorong mereka untuk melakukan amalan buruk serta menyukarkannya untuk berbuat kebaikan. Bagi golongan yang telahpun melakukan amalan kebajikan pula, pahala amalan tersebut sering disia-siakan



PENYEBAR fitnah menjelma dalam pelbagai penyamaran dan mesyajna sukar dibezakan sama ada benar atau palsu.

kerana bercampur aduk dengan perbuatan mungkar yang dilakukan. Rasulullah SAW telah memberikan amaran dalam sebuah hadis yang bermaksud: "Bersegeralah beramal sebelum munculnya fitnah yang datang bagaiakan potongan-potongan malam yang gelap, seseorang pada pagi harinya beriman dan pada petangnya telah menjadi kafir atau petangnya masih beriman dan pagi harinya telah menjadi kafir, menjual agamanya dengan kepentingan dunia."

(**Riwayat Muslim**)

Imam Nawawi RA ketika menghuraikan hadis berkenaan menyatakan bahawa: "Makna hadis ini ialah suatu galakan supaya bersegera untuk beramal, sebelum mengalami kekangan untuk melaksanakannya berdasarkan apa yang terjadi seperti ujian yang menyibukkan dan berganda-ganda, yang diselubungi kegelapan malam yang menggelap, tanpa Cahaya bulan. Bahkan Nabi Muhammad SAW menyifatkan ia sebagai salah satu kecapayahan fitnah ujian tersebut, ialah seorang yang beriman pada petang hari boleh menjadi kafir pada subuh esoknya ataupun sebaliknya. Ini disebabkan dahsyatnya ujian ini, yang membolak-balikkan manusia dalam satu hari."

Sebahagian masyarakat kini seolah-olah telah hilang rasa malu kerana sanggup melakukan perbuatan maksiat secara terang-terangan dengan penuh bangga atas alasan hak asasi manusia. Sebaliknya mereka

menyalahkan dan menentang pihak yang menyampaikan teguran serta turut berkeras mempertahankan kebatilan. Firman Allah dalam **al-Quran surah al-Kahfi ayat 103-105** yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan. Merekalah orang-orang yang kufr ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan akan pertemuan dengan-Nya; oleh itu gugurlah amal-amal mereka; maka akibatnya Kami tidak akan memberi sebarang timbangannya untuk menilai amal mereka pada hari kiamat kelak."

Sebahagian masyarakat pula semakin gemar mengikuti budaya yang bercanggah dengan syariat dan tidak jelas asal usulnya seperti kebanyakan pesta hedonisme, perayaan Halloween baru-baru ini dan pelbagai lagi yang dianggap sebagai trend terkin. Benarlah peringatan Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri bermaksud:

"Kalian benar-benar akan mengikuti jalan orang-orang sebelum kalian sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga jika mereka masuk ke dalam lubang biawak pun kalian akan memasukinya." Kami (iaitu

para sahabat) bertanya: "Ya Rasulullah, adakah mereka itu Yahudi dan Nasrani?" Baginda menjawab: "Siapa lagi (kalau bukan mereka)?" (**Riwayat al-Bukhari**)

Sedarilah bahawa pembalasan terhadap segala perbuatan maksiat dan mungkar yang dilakukan bukan hanya menimpakan golongan tertentu sahaja sebagaimana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis daripada Ummul Mu'min, Zainab binti Jahsy beliau berkata: "(Pada suatu hari) Rasulullah SAW masuk ke dalam rumahnya dengan keadaan cemas sambil bersabda, *La ilaha illallah, celaka (binasa) bagi bangsa Arab daripada kejahanatan (malapetaka) yang sudah hampir menimpakan mereka*. Pada hari ini telah terbuka dari dinding Ya'juj dan Ma'juj seperti ini," dan Baginda menemukan hujung jari dan hujung jari yang sebelahnya (jari telunjuk) yang dengan itu mengisyaratkan seperti bulatan. Saya (Zainab binti Jahsy) lalu bertanya: "Ya Rasulullah! Apakah kami akan binasa sedangkan di kalangan kami masih ada orang yang soleh?" Lalu Nabi SAW bersabda: "Ya, jika lajuk kejahanatan sudah terlalu banyak." (**Riwayat Bukhari dan Muslim**)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa apabila kejahanatan dan kemungkaran berleluasa maka kebinasaan akan menimpakan semua orang yang berada di tempat tersebut. Bencana bukan hanya diturunkan kepada golongan yang melakukan kemungkaran sahaja, tetapi juga ke atas orang soleh dan beriman walaupun masing-masing akan diperhitungkan mengikut amalan yang telah dilakukan pada hari kiamat kelak. Justeru segala kemungkaran dan kemaksiatan hendaklah sentiasa dicegah dan dihapuskan agar tidak terjadi malapetaka yang menimpakan seluruh masyarakat.

Marilah kita beriltizam untuk kembali mendekatkan diri kepada ajaran Islam yang sebenar dan beristiqamah untuk melakukan kebaikan lebih-lebih lagi dalam situasi kehidupan yang mencabar di akhir zaman ini. Teruskanlah amalan untuk menegakkanlah amar makruf dan nahi mungkar dalam masyarakat melalui pelbagai program dakwah dan penguatkuasaan undang-undang syariah demi keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Penulis Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)



"Pengawal dan penjaganya adalah sembilan belas (malaikat)."

(Surah al-Muddaththir, ayat 30)

Melabur, rancang perbelanjaan bantu atasi inflasi

Kuala Lumpur: Keluhan rakyat mengenai kenaikan harga barang meningkat, selain kos sara hidup tinggi berkait rapat dengan fenomena inflasi yang berlaku pada masa kini.

Secara umumnya, inflasi adalah kenaikan harga barang dan perkhidmatan dalam satu tempoh masa serta pada masa sama menyebabkan nilai mata wang jatuh.

Public Mutual dalam kenyataan berkata, dua faktor utama yang menyebabkan inflasi, iaitu tarikan permintaan dan tolakan kos. Situasi itu berlaku apabila permintaan melebihi pengeluaran atau apabila kos pengeluaran meningkat.

Katanya, faktor tarikan permintaan adalah dalam persekitaran ekonomi yang berkembang sihat yang mana kita dapat lihat produktiviti dan pendapatan semakin bertambah baik, lalu mengukuhkan kuasa membeli pengguna serta meningkatkan tabiat berbelanja mereka.

"Senario itu sekali gus menyebabkan pengguna membuat pinjaman bagi membeli barang yang dijual pada harga tinggi seperti rumah dan kereta.

"Bagi tolakan kos pula ia berlaku apabila harga keseluruhan meningkat, berikutan peningkatan kos pengeluaran dan kekurangan sumber bekalan.

"Inflasi mempengaruhi peng-



Membina portfolio yang pelbagai adalah penting.



Fokus pada tempoh pelaburan jangka panjang.

guna dengan kemampuan seseorang untuk membeli barang dan nilai hutang," katanya.

Kesan inflasi

Menurut Public Mutual, antara kesan inflasi adalah apabila pengguna mengalami kuasa membeli lebih rendah dengan harga barang meningkat.

Katanya, sebagai contoh, pada 1970-an, pengguna boleh membeli empat cawan kop pada harga RM2. Namun, pada era 1990-an, mereka hanya boleh membeli dua cawan kop dengan jumlah

wang yang sama. Hari ini, seawan kop berharga RM2.

"Selain itu, kesan inflasi juga boleh mengakibatkan pengguna mungkin berdepan kesukaran dalam mengekalkan taraf gaya hidup kerana mereka memerlukan lebih banyak wang untuk membeli kuantiti barang dan perkhidmatan sama berbanding sebelum ini.

"Kesan mendesak inflasi turut mendorong kos pinjaman lebih tinggi untuk peminjam kerana bank mungkin menaikkan kadar faedah sekiranya bank pusat me-

naikkan kadar bagi mengawal inflasi.

"Ia juga mampu menghakis dana persaraan anda sekiranya ia tidak dilaburkan dengan bijak kerana inflasi berupaya menghakis nilai sebenar wang dari pada masa semasa ke semasa," katanya.

Katanya, ada beberapa cara untuk orang awam mengatasi inflasi antaranya melabur untuk memperoleh keuntungan modal jangka panjang.

"Anda boleh pertimbangkan untuk melabur dalam dana ekui-

ti yang menawarkan keuntungan modal bagi melindung nilai terhadap inflasi dalam jangka panjang.

"Melalui langkah mempelbagaikan pelaburan, anda disaran supaya melabur dalam portfolio terpelbagai seperti dana ekuiti domestik, rantau dan global serta dana pendapatan tetap untuk mengharungi kitaran pasaran.

"Pada masa sama, rancang perbelanjaan dengan mengikuti kemampuan dan berhemah dalam menguruskan hutang," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: FENOMENA BULAN GERHANA PENUH HARI INI

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 4

TARIKH : 08/11/2022

*8/11/2022
Harian Metro
m/s4*
Fenomena bulan gerhana penuh hari ini

Kuala Lumpur: Orang ramai boleh menyaksikan fenomena gerhana bulan penuh hari ini yang akan berlaku sebelum bulan berada pada kedudukan paling jauh dengan bumi (*apogee*) iaitu pada jarak 404,923 kilometer (km).

Agenси Angkasa Malaysia (MYSA) berkata, fenomena itu dapat dilihat secara keseluruhan di Asia, Australia, Amerika Utara dan Selatan serta sebahagian utara dan timur Eropah.

Menurutnya, gerhana bulan penuh itu adalah *central lunar eclipse* iaitu gerhana bulan yang berlaku apabila cakera bulan melalui paksi bayang umbra bumi yang berada di tengah-tengah bayang umbra bumi.

“Central lunar eclipse” adalah gerhana penuh yang mempunyai nilai magnitud umbra yang tinggi, tempoh yang panjang dan nilai gamma yang rendah.

“Magnitud umbra pada kali ini ialah 1.3607 dan nilai Gamma adalah 0.2570 dengan tempoh gerhana penuh maksimum adalah selama 85.7 minit,” katanya dalam kenyataan di Facebook (FB).

MYSA berkata, fenomena

gerhana bulan penuh di Malaysia itu berlaku mulai jam 4.02 petang dan berakhir jam 9.56 malam.

“Fenomena ini tidak dapat dilihat di Malaysia pada permulaan fasa gerhana penumbra dan separa kerana ia berlaku apabila bulan berada di bawah ufuk.

“Orang ramai di Malaysia berpeluang menyaksikan fenomena itu apabila bulan mulai terbit di ufuk timur ketika ia mula mengalami fasa gerhana penuh bagi penduduk di Sabah dan Sarawak, manakala bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, fenomena tersebut hanya mula kelihatan ketika fasa gerhana maksimum sehingga fasa gerhana penumbra berakhir jam 9.56 malam,” katanya.



TAJUK: LUAR BIASA KAMUS DEWAN PERDANA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 16

TARIKH : 07/11/2022

16

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 7 NOVEMBER 2022

Rencana

Luar biasa Kamus Dewan Perdana

KATA SAYA

Oleh
Ku Seman
Ku Hussain

DENGAN ketebalan 2,529 halaman mencakupi lebih 120,000 entri, lebih 7,000 kata disediakan maklumat asal usul kata atau etimologi dan kerja menyusun pula mengambil masa lebih 30 tahun, sudah terserlah sifat *Kamus Dewan Perdana* yang unggul dan luar biasa.


Kerja-kerja menganalisis kata dalam kamus ini merentasi lebih 113 juta kata korpus daripada pangkalan data yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hal ini menjadikan *Kamus Dewan Perdana* sebagai kamus bahasa Melayu pertama di dunia yang memanfaat data digital.

Kerja menyusun yang merentasi garis masa begitu lama dan komprehensif menjadikan *Kamus Dewan Perdana* antara sumbangan besar DBP terhadap bahasa Melayu. Masa depan dan dinamiknya bahasa Melayu boleh dilihat daripada tradisi perkamusian yang dimulai DBP termasuk *Kamus Dewan Perdana*.

Manfaatnya tidak sahaja kepada penutur bahasa Melayu di alam Melayu, malah menjadi sesuatu yang sangat membantu kepada penutur baharu bahasa Melayu di seluruh pelosok dunia. Hal ini kerana *Kamus Dewan Perdana* menyimpan kosa kata paling luas cakupannya - lebih seabad lalu.

Keberadaan kamus yang secara fizikal beratnya 3.72 kilogram di pasaran sejak 2020 adalah tanda aras kecemerlangan DBP. Editornya silih berganti, akan tetapi matlamat diteruskan tanpa henti. Penerbitan berskala mega ini membuktikan iltizam peneraju-peneraju DBP pada tanggungjawab kebahasaannya.

Pada masa sama, ini juga mencerminkan kedudukan bahasa Melayu dalam satu tamadun yang besar. Memasukkan kosa kata sejak seabad lampau adalah sebuah



karya antropologi kebahasaan yang sangat tinggi nilainya. Ditambah dengan ciri-ciri yang unik iaitu memuatkan maklumat sebutan atau transkripsi fonetik.

Perkara ini bertujuan memberi gambaran tepat mengenai sebutan. Bayangkan kosa kata dituturkan lebih seabad lampau, kini telah lenyap dalam perubahan sosial yang sangat pesat. Dengan adanya kosa kata dan maklumat sebutan, pengguna mendapat manfaat mengekalkan keaslian sebutannya. Turut dimuatkan aksara Jawi pada setiap kosa kata yang dikira satu langkah pelestarian tulisan Melayu itu.

Kamus Dewan Perdana yang berada di pasaran sejak 2020 dilancarkan dengan rasminya oleh Menteri Kanan

“Keberadaan *Kamus Dewan Perdana* dalam masyarakat hari ini dilihat sangat bertepatan dengan ledakan maklumat, kemajuan teknologi dan penemuan kosa kata baharu yang merentas pelbagai bidang ilmu dan kehidupan.”

Pendidikan, Datuk Dr. Radzi Jidin pada Selalu lalu di Dewan Tun Syed Nasir DBP.

Majlis pelancaran gemilang itu sebenarnya ada signifikan antara bahasa Melayu, institusi bahasa dan persuratan Melayu iaitu DBP dan dewan yang mengabadikan nama tokoh pejuang bahasa Melayu, Allahyarham Tun Syed Nasir Ismail. Majlis pelancaran ini juga menjadi antara catatan sejarah penting DBP dalam konteks pemerkasaan bahasa Melayu. Selebihnya *Kamus Dewan Perdana* menjadi satu jenama yang merentas benua dan memangkin pada kerancakan pengembangan bahasa Melayu di beberapa universiti di luar negara.

Sekalipun bahasa Melayu agak terpinggir di negara asal Melayu sendiri, akan tetapi tumbuh dan menjalar di negara yang bukan majoriti penutur bahasa Melayu. Kewujudan jurusan pengajian Melayu hingga ke tahap akademik tertinggi, doktor falsafah (PhD) di banyak universiti di luar negara adalah cerminan sebenar nilai bahasa Melayu.

PESAT

Keperluan menyelongkar dan menyusuri jutaan kosa kata bahasa Melayu menjadi tinggi dan dalam hal demikian, *Kamus Dewan Perdana* adalah tempatnya. Sumbangan melahirkan kamus terunggul ini tentunya akan diingatkan oleh generasi pada zaman mendatang.

Sejarah perkamusian bahasa Melayu di negara ini bermula dengan *Kamus Dewan* edisi pertama yang diterbitkan pada 1970. Ini menjadi langkah pertama yang sangat besar makna dan kesannya kepada DBP sebagai pihak bertanggungjawab dalam mengembangkan bahasa Melayu.

Dalam berdepan dengan dinamiknya bahasa Melayu maka mengemaskini *Kamus Dewan* edisi pertama bukan lagi pilihan sebaliknya satu keperluan. Tanpa berbuat demikian akan menjadikan *Kamus Dewan* tertinggal daripada perkembangan sosial yang pesat.

Maka terbitlah *Kamus Dewan Cetakan Kedua* dengan beberapa penambahan pada 1984. Tidak terhenti di situ, DBP terus menerbitkan *Kamus Dewan Edisi Baharu* (1989), *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (1994), dan yang terakhir ialah *Kamus Dewan*

Edisi Keempat (2005). Keberadaan *Kamus Dewan Perdana* dalam masyarakat hari ini dilihat sangat bertepatan dengan ledakan maklumat, kemajuan teknologi dan penemuan kosa kata baharu yang merentas pelbagai bidang ilmu dan kehidupan.

Semua perubahan pesat yang berlaku ini tidak tertampung dengan edisi kamus sedia ada. Keperluan kamus yang menyeluruh cakupan entri dan subentrinya dapat dipenuhi dengan pelan jangka panjang penyusunan *Kamus Dewan Perdana*.

Pada sisi lain pula, *Kamus Dewan Perdana* membuktikan bahasa Melayu mempunyai sejarah yang gemilang dan terus berkembang khususnya dalam pelbagai bidang ilmu dan kehidupan. Ini termasuklah dari segi politik, budaya, sains dan teknologi, industri, sejarah, undang-undang, pertanian dan seumpamanya.

Banyak kata baharu yang tercipta dan tidak kurang juga terpadam oleh faktor perubahan sosial. Di mana lagi kata yang terpadam dan hilang itu boleh ditemukan semula kalau bukan di *Kamus Dewan Perdana*?

Empat editor yang terlibat menerajui *Kamus Dewan Perdana* adalah Salmah Jabbar, Nor Azizah Abu Bakar, Noresah Baharom dan Dr. Fadilah Jasmani. Hasil kerja mereka serta pasukan yang besar menjadikan kamus ini khazanah bahasa Melayu bernilai tinggi.

Demikianlah istimewanya sebuah kamus yang kerjakerja menyusun adalah getir yang amat menduga kesabar. Masa sama menuntut kemampuan bekerja secara berpasukan dalam skala besar, jangka masa panjang selain ketelitian yang tidak boleh ditolak ansur.

Oleh hal yang demikian, kamus tidak sahaja tempat rujukan. Akan tetapi berperanan sebagai bahan bacaan. Membaca kamus adalah sebuah kembala intelektual yang sangat luar biasa hebatnya.

PENULIS ialah Editor Kuseman.com.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PERPUSTAKAAN BERPERANAN BANTU PERKASA KOMUNITI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 13

TARIKH : 05/11/2022

Perpustakaan berperanan bantu perkasa komuniti

Norskolarza
Kanarisiti
Universiti
Pendidikan
Nasional
Malaysia

Perpustakaan adalah tempat terbaik memperkasakan komuniti dengan maklumat. Berdasarkan laporan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2019, ketika ini ada sebanyak 3,002 perpustakaan di seluruh negara.

Dari jumlah itu terdapat satu Perpustakaan Negara, lima perpustakaan komuniti; 340 perpustakaan awam negeri, 1,099 perpustakaan desa, 1,100 perpustakaan khusus dan 457 perpustakaan akademik.

Meskipun perpustakaan selalu dirujuk sebagai ‘pusat buku’, namun dalam keadaan semasa ia juga menjadi pusat memahirkan komuniti dengan literasi maklumat. Di luar sana terdapat lambakan maklumat disebarluaskan tanpa diketahui status kesahihannya.

Justeru, pustakawan berperanan dalam menggunakan segala kemahiran maklumat yang ada untuk membantu komuniti sekililing menilai kesahihannya.

Pada masa sama, pustakawan perlulah mempunyai kemahiran untuk mendapatkan maklumat daripada sumber berautoriti.

Hal ini menjelaskan pustakawan adalah aset, manun fasiliti yang tersedia di perpustakaan komuniti seharusnya dimanfaatkan oleh penduduk setempat. Bukan sekadar untuk mendapatkan baca-

an ilmiah, perpustakaan juga harus menyediakan kemudahan terkini berkaitan maklumat misalnya kemudahan komputer dan teknologi maklumat.

Justeru, penting untuk perpustakaan menyediakan sudut teknologi maklumat bagi membantu komuniti setempat. Namun, ia juga harus diperkenalkan dengan talian internet yang stabil.

Hal ini kerana ia nadai kepada perkhidmatan sendirian. Bukan hanya untuk melayari internet untuk memperoleh maklumat, tetapi ia juga boleh digunakan untuk aktiviti pembelajaran dan juga membantu masyarakat mencari pekerjaan.

Perpustakaan berperanan bantu perkasa komuniti

Sebenarnya, perpustakaan juga berperanan sebagai pusat ilmiah dan kebudayaan. Di situ, boleh juga diadakan kursus dan program latihan bagi menambah kualiti dan kemahiran individu. Misalnya, latihan pembinaan perisian atau memperbaiki alatan elektronik. Ia juga boleh menjadi pusat maklumat bagi menyediakan maklumat sah berkaitan pelaburan dan simpanan misalnya. Hal begini pasti sahaja penting disebabkan semakin ramai orang awam, terutama warga emas menjadi mangsa aktiviti begimi.

Kesimpulannya, peranan perpustakaan komuniti amat penting bagi memperkasakan komuniti yang lebih berkualiti, manakala pustakawan mahir adalah aset paling penting.

